

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK LIEW VUI KEONG [BATU SAPI]

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATUK LIEW VUI KEONG [BATU SAPI] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

(a) sama ada kesemua Menteri dan Timbalan Menteri telah mengisytiharkan aset- aset mereka kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; dan;

(b) sekiranya mereka telah mengisytiharkan aset mereka, adakah pengisytiharan ini akan disiarkan untuk ketetapan umum.

JAWAPAN : (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua Ahli Jemaah Menteri telahpun mengemukakan sesalanan pengisytiharan harta mereka kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Bagi Timbalan Menteri pula, hanya terdapat 5 orang sahaja lagi yang belum berbuat demikian.

Pada masa ini, paparan pengisytiharan harta melalui laman web SPRM hanya akan dibuat setelah Kerajaan memutuskan satu kaedah baru dalam pemaparan mengenai jumlah harta/pendapatan yang telah diisytiharkan. Sekian, terima kasih.